

FYI



No Permit:PP13200/12/2013(032007)
January 2015:ISSN 1675-5464

Your OSH preferred partners



**RISIKO
WANITA
BERKASUT
TUMIT
TINGGI**

KASUT TUMIT TINGGI

Oleh:
Nur Mariah Musa
Bahagian Komunikasi,
Perniagaan dan
Penyebaran Maklumat
(CBID) NIOSH




KASUT TUMIT TINGGI JEJAS KESIHATAN

BERKASUT tumit tinggi sememangnya menjadi kegemaran sebahagian besar wanita. Mereka sudah pastinya bersetuju dan mengakui bahawa kasut bertumit tinggi adalah pelengkap gaya seseorang wanita. Selain rekaannya yang cantik, kasut tumit tinggi akan membuatkan wanita berdiri dengan gaya yang menawan berbanding berkasut yang mempunyai tumit rendah. Ia bukan sahaja cantik, malah ia menambah "sentimeter" kepada si pemakai agar kelihatan elegan setanding dengan supermodel yang berjalan di pentas peragaan. Sekali gus, ia akan meningkatkan keyakinan diri dan membuatkan si pemakainya kelihatan lebih menarik. Kasut bertumit tinggi popular dalam kalangan wanita terutama jenis pump, stiletto, wedges, spool, cone, chunky, lobster law, kitten atau mary jane, walaupun berbeza reka bentuk dan ketinggian, ia tetap boleh mengundang bahaya dan mengancam kesihatan kaki. Kaki adalah merupakan salah satu anggota badan yang sangat penting dan perlu dijaga dengan sebaik mungkin agar tidak mengganggu sistem badan lain yang akan menjejaskan kesihatan. Kaki adalah ibarat jantung kedua pada badan kita.


TAHUKAH ANDA ?

Secara realitinya, tiada yang baik mengenai kasut tinggi kecuali bentuk dan rekaannya. Disebalik gaya pemakaian yang menawan bak supermodel, ramai wanita tidak sedar atau pura-pura tidak sedar, pemakaian kasut tinggi boleh memudaratkan kesihatan dan badan mereka. Kecenderungan naluri untuk tampil cantik turut mendorong wanita mengetepikan kesan pemakaian kasut tumit tinggi dalam jangka masa panjang seperti tekanan berlebihan pada tulang belakang, tulang kaki dan betuk kaki serta kecacatan kekal. Satu kajian yang dibuat oleh Persatuan Ortopedik Kaki Amerika Syarikat mendapati bahawa wanita yang memakai kasut bertumit tinggi sekurang-kurangnya tiga sentimeter (cm) dan memakainya dalam tempoh yang agak lama boleh mengakibatkan si pemakai berasa sakit pada kuku, bengkak jari kaki sehingga menjadi radang kulit, kesakitan pada punggung dan inflamasi pada tendon sehingga mengundang kesakitan pada bahu, lutut, siku, pergelangan kaki juga tangan.



RISIKO YANG DIHADAPI

Laporan kesihatan menunjukkan, masalah yang sering dihadapi oleh wanita muda berkerjaya yang gemar berkasut tumit tinggi antaranya ialah bunion (hallux valgus) iaitu ibu jari kaki menjadi senget masuk ke dalam ke arah jari kedua lalu menyebabkan benjolan pada bahagian luar kaki di sebelah ibu jari kaki. Ini akan menyebabkan rasa tidak selesa timbul terutamanya ketika memakai kasut yang bertutup di hadapan dan runcing sehinggakan ada kes memerlukan pembedahan, bergantung kepada tahapnya kecederaannya. Masalah yang lebih serius akan terjadi apabila tekanan berat badan pada hujung kaki juga akan menyebabkan jari ketiga dan keempat menyempit lalu menyebabkan kesakitan pada saraf. Keadaan itu juga akan menyebabkan darah tidak dapat bergerak dengan lancar kerana tersekat lalu ia akan menyebabkan kesakitan pada kaki si pemakai. Betis juga turut akan memendek dan tegang akibat tumit tertolak ke atas dan akibatnya kaki sering mengalami kekejangan dan sakit di bahagian tumit.



BENGGAK SARAF

Simptom bunion adalah kesakitan atau pedih, radang dan kemerahan pada kulit, rasa panas seperti terbakar, terutama ketika memakai kasut ketat serta rasa kebas pada ibu jari kaki. Pesakit mungkin turut berdepan masalah morton's neuroma iaitu kesakitan akibat saraf bengkok atau menebal pada bola kaki, 40 peratus keradangan tisu tebal di bahagian bawah kaki (plantar fasciitis), pembesaran tulang belakang tumit (kecatatan haglund), jari bengkok (claw hammer), achilles tendonitis dan metatarsalgia. Laporan Pengesanan Kesihatan Kaki, The National (Nationwide) Inpatient Sample (NIS), Amerika Syarikat menunjukkan dua daripada empat peratus populasi masyarakat seluruh dunia berhadapan masalah kesihatan kaki.

INFO

BUNION

SIMPTOM

- Sakit atau Bengkak
- Masalah keradangan atau kemerah-merahan
- Rasa perit
- Kadangkala berasa kebas
- Kuku kaki tidak tumbuh
- Bengkak antara kaki


RAWATAN

- Pakai kasut yang betul
- Pakai pelapik ortotik
- Elakkan aktiviti yang membuatkan bunion semakin teruk seperti berdiri dalam tempoh yang lama
- Ubat-ubatan seperti ubat antiradang tanpa steroid (NSIDs)
- Meletakkan ais beberapa kali sehari bagi mengurangkan sakit dan radang
- Terapi suntikan
- Pembedahan – Pesakit perlu jalani pembedahan apabila bunion mengganggu aktiviti harian dengan membuang bengkak dan membetulkan struktur tulang

PEMAKAIAN KASUT YANG SESUAI

Jika wanita mahu juga memakai kasut tumit tinggi, mereka dinasihatkan agar memakai kasut tumit tinggi yang tidak lebih daripada dua sentimeter atau kurang. Pemakaian kasut tumit tinggi yang melampau boleh menyebabkan tulang pinggul, tulang belakang dan lutut menjadi bengkok. Semakin berusia seseorang wanita, saiz serta tapak kaki juga semakin lebar disebabkan lemak semakin tipis. Selain itu, pemakaian kasut tumit tinggi turut mendorong peredaran darah tidak lancar. Bayangkan, waktu kerja sahaja sudah memakan masa lapan jam atau lebih sehari. Kaki terpaksa bekerja keras untuk berjalan tanpa henti ditambah menampung berat badan si pemakai.

Jika seseorang wanita mahu memakai kasut tinggi, sebaiknya hanya pakai untuk tempoh beberapa jam saja dan untuk majlis tertentu. Sarungkan kasut tumit tinggi untuk majlis tertentu seperti makan malam atau korporat. Untuk tujuan kerja, adalah dinasihatkan supaya memakai kasut yang bertapak rata. Jangan memberi tekanan kepada kaki anda kerana ia akan digunakan untuk tempoh lama. Umum sememangnya tahu, menjadi lumrah wanita yang sentiasa mahu kelihatan cantik dan anggun pada setiap masa. Namun kaum hawa ini perlu sedar tentang risiko memakai kasut bertumit tinggi dan jangan pula hingga membawa padah pada diri sendiri.



NEWS HEADLINES

Lelaki maut dihempap transformer tiga tan



Lokasi mangsa dihempap transformer elektrik di Jalan Che Su, Kota Bharu.

(FOTO OWEE AH CHUN/BH)

» **Pekerja tak sempat elak komponen tergelincir**

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Kota Bharu

Pengorbanan tujuh pekerja kontraktor elektrik, bekerja sepanjang

malam untuk menukar alat pengubah arus (transformer) demi memulihkan bekalan kepada penduduk terjejas banjir, berakhir tragedi apabila komponen seberat tiga tan itu jatuh menghempap seorang daripada mereka, awal pagi semalam.

Komponen tergelincir

Dalam kejadian di Jalan Che Su, dekat sini, jam 6 pagi semalam, Shahril Zain Shamsuddin, 23, yang berada berdekatan, mati dalam keadaan mengerikan akibat dihempap komponen terbabit, apabila ti-



Shahril Zain Shamsuddin

dak sempat menyelamatkan diri.

Kejadian berlaku ketika mangsa bersama enam rakan sekerja, sedang menukar komponen terbabit yang meletup ketika banjir melanda baru-baru ini. Ketika usaha itu, komponen terbabit tergelincir sebelum jatuh menghempap mangsa yang berada bersebelahan.

Rakan sekerjanya, Mohamad Said, 55, berkata mereka terpaksa menahan kepiluan melihat mangsa tersepit di bawah komponen terbabit, kerana tidak mampu berbuat apa-apa bagi membantu berikutan keadaannya yang terlalu berat untuk diangkat.

"Kejadian itu amat mengejutkan. Komponen itu terlalu berat, kami tidak mampu berbuat apa-apa selain menghugungi bantuan bomba.

Tugasan terakhir

"Kami bekerja di lokasi sejak jam 8 malam sehingga 6 pagi kerana mahu menukar peralatan yang meletup akibat banjir teruk, baru-baru ini.

"Ia adalah kerja kami yang terakhir sebelum pulang ke rumah. Sungguh tak sangka usaha kami berakhir tragedi dan amat menyedihkan apabila kami tidak mampu membantu arwah," katanya ketika ditemui di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II).

Bapa mangsa, Shamsuddin Osman, 60, berkata anak bongsunya daripada enam beradik itu keluar bekerja sejak pagi kelmarin.

"Arwah yang baru menamatkan pengajian, sangat prihatin dan dedikasi dengan kerjanya. Seboleh-bolehnya, dia mahu bekerja siang malam bagi membaiki bekalan elektrik kerana kasihankan penduduk yang terpaksa bergelap akibat banjir," katanya.

LELAKI MAUT DIHEMPAP TRANSFORMER TIGA TAN

Publication: Berita Harian

Date of Publication: 7 Jan 2015

Page number: 20

WUJUD PROGRAM KESIHATAN MENTAL DIDIK GAYA HIDUP SIHAT

Publication: Utusan Malaysia
Date of Publication: 19 Jan 2015
Page number: 29

'Mental illness treatable'

PREVENTION: Lee says the afflicted and family must be made aware of the availability of treatment

KUALA LUMPUR

TRAGEDIES arising from crimes committed by the mentally ill can be avoided by ensuring that they receive proper care and treatment.

Mental Health Advisory Council member Tan Sri Lee Lam Thye said severe mental illnesses such as schizophrenia and bipolar disorder, although chronic and debilitating, were treatable.

"Mental disorders or illnesses are certainly treatable and the people close to those suffering from such illnesses should be alert and help them seek proper treatment.

"There is effective medication for treatment. What needs to be done is to ensure that the patients have access to the medication.

The approach is not to make the patients and family members give up hope but to make them aware of the availability

of treatment.

"When properly treated, those with mental illness are at no higher risk of violence than the average person.

"But adherence to the medication is of utmost importance as defaulting on treatment increases the risk of violence."

Lee said the latest incident of a man, suspected to be mentally unstable, who allegedly bludgeoned his 75-year-old mother to death with a hammer, had once again highlighted the seriousness of the issue of mental disorders among Malaysians.

"This is not the first time such a tragedy has happened and it will not be the last. Prior to this, there have been similar deaths involving people with psychiatric disorders.

"Such forms of mental illness leading to violence are tragic reminders of another side of life which must not be overlooked in our quest to become a fully industrialised nation."

He said cases of violence and homicide

committed by people with a history of mental illness were often reported by the media and it was unfortunate that such tragic accidents served to reinforce the stigma associated with the mentally-ill.

"The latest incident and similar ones previously may generate increasing concern and even fear that all mentally ill people are prone to violence.

"The impact of mental health problems on the affected individual and the family as well as the community is immense and needs to be addressed."

Lee said creating greater awareness of mental health, empowering the mentally sick and their family to stand up against stigma and discrimination through counselling and education were some strategies that could be used to de-stigmatise mental illness.

"What we also need is a comprehensive community mental healthcare programme to promote good mental health among Malaysians so that cases of mental disorders can be reduced."



Tan Sri Lee Lam Thye says there is medication to treat mentally ill patients

Wujud program kesihatan mental didik gaya hidup sihat

KUALA LUMPUR 18 Jan. - Kersjaan disaran mewujudkan program Kesihatan Mental Masyarakat Komprehensif bagi mendidik semua lapisan masyarakat tentang cara gaya hidup sihat di samping mengamalkan kesihatan mental yang baik.

Ahli Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, program seperti itu dapat menggalakkan pengetahuan tentang kesihatan mental yang baik dalam kalangan rakyat supaya kes-kes gangguan mental dapat dikurangkan.


"Penyakit mental pasti boleh dirawat dan mereka yang rapat dengan individu yang mempunyai kesengsaraan ini harus berwaspada dan peka terhadap tanda-tanda bagi membantu mereka mendapatkan rawatan sewajarnya.

"Penyakit mental yang serius seperti gangguan bipolar dan Skizofrenia adalah kronik tetapi masih boleh dirawat dengan bantuan teknologi ubat efektif untuk rawatan dan apa yang perlu dilakukan adalah memastikan ubat-ubatan ini diambil oleh pesakit," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas insiden tragis melibatkan seorang lelaki, disyaki mempunyai ketidakstabilan mental memukul ibunya yang berusia 75 tahun sehingga mati dengan tukul besi baru-baru ini.

Menurut Lam Thye, masalah kesihatan mental boleh memberi impak besar kepada mereka yang terlibat terutama keluarga pesakit dan masyarakat setempat.

Katanya, meningkatkan kese-



LEE LAM THYE

edaran mengenai kesihatan mental, memperkasakan pesakit mental dan ahli keluarga mereka untuk menentang stigma serta diskriminasi melalui kaunseling dan pendidikan, adalah beberapa strategi yang boleh diambil untuk mengatasi masalah penyakit mental.

"Tragedi seperti ini mewujudkan stigma negatif dalam kalangan masyarakat bahawa semua pesakit mental cenderung kepada keganasan tetapi pada hakikatnya perkara itu boleh dielakkan melalui penjagaan dan rawatan yang betul.

"Kesihatan mental bukan sahaja mengenai penyakit mental, sebaliknya kita perlu mengawal emosi serta perasaan dalam menyemai sifat kesejahteraan dan keupayaan menghadapi pelbagai cabaran hidup serta sikap positif terhadap diri sendiri," katanya.

'MENTAL ILLNESS TREATABLE'

Publication: News Straits Times

Date of Publication: 18 Jan 2015

Page number: 23

NEWS HEADLINES

MERAUNG SAKIT LENGAN TERSEPIT

Publication: Harian Metro
Date of Publication: 14 Jan 2015
Page number: 8

2 PEKERJA LADANG MATI TERTIMBUS

Publication: Kosmo
Date of Publication: 7 Jan 2015
Page number: 14

Warga Nepal diseret ke dalam sungai semasa runtuh tanah seminggu lalu

2 pekerja ladang mati tertimbus

Oleh AIMUNI TUAN LAH
berita@kosmo.com.my

GUA MUSANG - Dua pekerja ladang warga Nepal yang hilang sejak seminggu lalu ditemui mati tertimbus tanah runtuh dalam sebuah sungai berhampiran Kebun Yakin, Jalan Lojing Lama dekat sini kelmarin.

Mayat Karnas Dhvaj Limbu, 28, dan Dhan Kumar Rai yang belum dapat dipastikan usianya ditemui oleh anggota mencari dan penyelamat pada pukul 12 tengah hari kelmarin, kira-kira tiga meter dari tempat kejadian dalam keadaan tertimbus tanah sedalam satu meter.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendent Saiful Bahri Abdullah berkata, mangsa dipercayai tertimbus semasa mereka dalam perjalanan pulang dengan berjalan kaki ke rumah

kongsi untuk makan tengah hari kira-kira pukul 1.30 petang, 31 Disember lalu.

"Menurut siasatan awal polis, runtuh tanah menyebabkan mangsa terseret masuk ke dalam sebuah sungai berhampiran kebun sayur.

"Jarak antara kedua-dua mayat adalah lebih kurang tiga meter," katanya.

Saiful Bahri berkata, usaha mencari dan menyelamat telah dilakukan oleh anggota Polis Pondsok Lojing serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Gua Musang dan Cameron Highlands sejak seminggu lalu setelah menerima laporan daripada majikan mangsa mengenai kejadian tersebut.

"Mayat mangsa dihantar ke Hospital Gua Musang untuk bedah siasat dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya.

nyelamat telah dilakukan oleh anggota Polis Pondsok Lojing serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Gua Musang dan Cameron Highlands sejak seminggu lalu setelah menerima laporan daripada majikan mangsa mengenai kejadian tersebut.

"Mayat mangsa dihantar ke Hospital Gua Musang untuk bedah siasat dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya.

nyelamat telah dilakukan oleh anggota Polis Pondsok Lojing serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Gua Musang dan Cameron Highlands sejak seminggu lalu setelah menerima laporan daripada majikan mangsa mengenai kejadian tersebut.

"Mayat mangsa dihantar ke Hospital Gua Musang untuk bedah siasat dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya.

nyelamat telah dilakukan oleh anggota Polis Pondsok Lojing serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Gua Musang dan Cameron Highlands sejak seminggu lalu setelah menerima laporan daripada majikan mangsa mengenai kejadian tersebut.

"Mayat mangsa dihantar ke Hospital Gua Musang untuk bedah siasat dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya.

nyelamat telah dilakukan oleh anggota Polis Pondsok Lojing serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Gua Musang dan Cameron Highlands sejak seminggu lalu setelah menerima laporan daripada majikan mangsa mengenai kejadian tersebut.

"Mayat mangsa dihantar ke Hospital Gua Musang untuk bedah siasat dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya.



INILAH lokasi dua warga Nepal ditemui mati tertimbus tanah runtuh berhampiran Kebun Yakin, Jalan Lojing Lama dekat Gua Musang, Kelantan kelmarin.

Setempat

Meraung sakit lengan tersepit

■ Pekerja kilang batu blok tanggung derita di roda mesin

Oleh Mohd Hilmi Hussin
mohdhilmi@metro.com.my
Melaka

Seorang pekerja kilang membuat batu blok terpaksa menahan sakit satu jam selepas lengannya tersepit di bahagian roda mesin pengangkut pasir.

Dalam kejadian jam 3.50 petang semalam, mangsa, Ahmad Nur Iqbal Mar Hassan, 28, dikatakan memasukkan pasir ke mesin pengangkut pasir di kilang di Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, di sini, semalam.

Bagaimanapun, lengan mangsa dikatakan tersepit di bahagian roda mesin pengangkut itu hingga ke siku.

Ketua Operasi dari Balai



AHMAD Nur Iqbal menahan sakit ketika diselamatkan bomba.

FAKTA
Lengan mangsa tersepit hingga ke siku di roda mesin pengangkut

Bomba dan Penyelamat Tangga Batu Pegawai Bomba Kanan I Zamri Aziz berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 3.55 petang sebelum berges ke tempat kejadian.

"Sejurus tiba, mangsa berada dalam keadaan terentang dan mengering kesakitan.

"Kami tidak dapat melakukan kerja menyelamat berkaitan keadaan mangsa yang meragukan kesakitan. Mujur anggota paramedik membantu dengan menyuntik ubat tahan sakit bagi menenangkan mangsa," katanya.



Dia berkata, tangan mangsa tersepit antara dua roda mesin sehingga ke paras siku.

"Selepas diberi suntikan tahan sakit, kerja menyelamat dilakukan dengan lancar menggunakan alat hidraulik untuk meregangkan roda itu.

"Tangan mangsa dibelahkan anggota bomba dan penyelamat pada jam 4.45 petang," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Beliau berkata, lelaki itu dihantar ke Hospital Melaka untuk pemeriksaan dan ujian imbasan X-ray.

Sementara itu, rakan sekerja mangsa yang enggan dikenali berkata, dia mendengar mangsa menjerit meminta tolong lalu berges ke arahnya.



TANGAN mangsa dapat dikeluarkan dan dihantar ke Hospital Melaka.

Suri rumah maut langgar pokok selepas diragut

SERI MANJUNG - Seorang suri rumah maut selepas motosikal yang ditunggang terbabas selepas diragut ketika dalam perjalanan hendak pulang ke rumahnya di Taman Melati, Pantai Remis di sini kelmarin.

Dalam kejadian pukul 6.19 petang itu, mangsa, Lau Kwi Lan, 58, sedang dalam perjalanan pulang ke rumah dari arah Pantai Remis sebelum motosikal yang ditunggang hilang kawalan di Ta-

man Bintang di sini lalu terlanggar pokok kelapa sawit di bahagian kiri jalan.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Tengku Mohd. Zailan Tengku Ahmad berkata, mangsa kemudian telah dibawa ke Hospital Sri Manjung untuk mendapatkan rawatan.

"Tidak lama selepas dibawa ke hospital, mangsa disahkan meninggal dunia kerana mengalami kecederaan yang serius pada

kepala.

"Mangsa sebelum itu sempat berjumpa dengan anaknya dan memberitahu, bahawa dia telah diragut ketika sedang menunggang motosikal menyebabkan dia kemalangan," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, suspek masih belum dapat dikenal pasti namun pihaknya percaya terdapat dua suspek terlibat dalam kejadian tersebut.

BENCANA

Penambahbaikan perlu dibuat elak banjir berulang

Saya amat berempati dengan mangsa banjir di semua negeri terbabit yang terpaksa melalui suasana getir dan dugaan yang menguji kesabaran. Dalam pada itu bencana alam yang tidak diduga ini memberikan peluang kepada semua rakyat Malaysia untuk bersatu dan berganding bahu tanpa mengira bangsa, warna kulit dan agama untuk melakukan kebajikan mengikut kemampuan masing-masing bagi membantu mangsa.

Yayasan ECO WORLD, yang dipengerusikan oleh saya telah menyumbangkan sebanyak RM50,000 kepada Tabung Bencana NST Media Prima bagi membeli makanan dan barang keperluan penting yang diperlukan mangsa

banjir di samping menggalakkan semangat kerjasama dalam kalangan rakyat Malaysia.

Banjir yang sedang berlaku ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh hujan lebat yang dibawa oleh monsun timur laut yang memberi kesan yang serius di kawasan pantai terutama di Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Johor.

Penambah baik kurangkan bencana

Walaupun banjir adalah satu fenomena semula jadi dan berlaku saban tahun, perlu diingat bahawa kita mampu menangani beberapa isu-isu tertentu bagi mengurangkan keparahan bencana walaupun keadaan cuaca adalah di luar kawalan kita.

Antara isu-isu yang perlu diberi perhatian dan perlu dilakukan penambahbaikan adalah seperti berikut;

Mengkaji semula dan mempertingkatkan Sistem Amaran Awal yang sedia ada dan menjadikannya lebih berkesan supaya orang awam lebih bersedia jika musibah banjir ini berlaku lagi;

Mengkaji dan menaik taraf sistem perparitan dan saliran di seluruh negara, terutama di negeri yang sering dilanda banjir. Lebih banyak peruntukan perlu disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu kerajaan negeri untuk menaik taraf atau membina sistem perparitan dan saliran baru untuk mengurangkan kesan banjir;

Kemusnahan alam sekitar dan

aktiviti pembalakan haram yang boleh menyebabkan banjir dan kesusahan kepada rakyat perlu ditangani dengan penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat. Alam semula jadi perlu dipelihara dan dipertahankan pada setiap masa agar tidak memberikan kesan buruk dan mengakibatkan bencana alam yang lebih teruk lagi;

Kita perlu membentuk budaya mengamalkan penyelenggaraan yang baik yang mana perkara ini amat kurang dilaksanakan. Longkang dan sistem perparitan yang tidak diselenggarakan dengan baik dan sungai yang dicemari sampah sarap adalah salah satu punca mengakibatkan banjir. Oleh itu, setiap kemudahan infrastruktur itu perlu sentiasa dijaga dan dipelihara.

Jadi pengajaran

Banjir yang melanda negara perlulah dijadikan pengajaran dan beberapa langkah drastik perlu dilakukan bagi mengurangkan bencana tahunan ini. Kita tidak boleh menuding jari dan menyalahkan alam sekitar sepenuhnya di atas setiap kejadian yang berlaku. Setiap perkara yang terjadi sebenarnya mampu dikawal dan langkah kawalan perlu diambil sebelum keadaan menjadi lebih buruk.

Bagi mengatasi perkara ini daripada berulang saban tahun, kita perlu melakukan tindakan yang tepat dan bersedia untuk 'berdamai' dengan alam semula jadi.

Tan Sri Lee Lam Thye
Pengerusi NIOSH

PENAMBAHBAIKAN PERLU DIBUAT ELAK BANJIR BERULANG

Publication: Berita Harian
Date of Publication: 1 January 2015
Page number: 32

QUESTIONNAIRES RESULTS FOR DATA CONSOLIDATION ON OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MANAGEMENT SYSTEM AMONG GAS CONTRACTOR IN PENINSULAR MALAYSIA

Hamdan Bin Haji Ramat¹, Shamsul Bahri Bin Hj. Mohd Tamrin¹,
Mohd Rafee Bin Baharuddin² and Mansor Bin Ahmad³


¹Department of Environmental and Occupational Health, Faculty of Medicine and Health Sciences,
Universiti Putra Malaysia, UPM Serdang Selangor 43400 Malaysia

²Occupational Health and Safety Unit, Universiti Putra Malaysia, UPM Serdang Selangor 43400 Malaysia

³Department of Chemistry, Faculty of Science, Universiti Putra Malaysia, UPM Serdang Selangor 43400 Malaysia

Corresponding Author: Associate Professor Dr. Shamsul Bahri Bin Hj. Mohd Tamrin:

Tel: +60389472394, Email: uvea.2000@yahoo.com



Abstract

There is a need to develop an Occupational Safety and Health Management System (OSHMS) Critical Success Factors (CSF) Monitoring among gas contractor in Malaysia. Critical Success Factors (CSF) can be used for future implementation, adaptation and practice for gas contractor work for both by clients and contractors in Malaysia. The main purpose of CSF implementation is to reduce the number of accident related with Occupational Safety and Health (OSH). The need for CSF is due to the requirement by law and standard that require companies to establish an arrangement related to the identified OSH risks. The objective of this study is to assess the established of OSHMS among gas contractor in Peninsular Malaysia and to identify the CSF imposed by these industries. A cross sectional study for eighty gas contractor companies using established questionnaire has been done. All data consolidated in order to determine the OSHMS and its CSF among gas contractor in Peninsular Malaysia that has registered with Department of Occupational Safety and Health. Established questionnaire are based on OSHMS MS 1722:2011 elements requirement No 1: Policy, No 2: Organizing, No 3: Planning and Implementation, No 4: Evaluation and No 5: Action for Improvement as parameters to come out with organization means and Z-scores. Descriptive statistic showed that element mean (standard deviation) score for policy is 75(6.6), for Organizing is 63(5.2), for Planning and Implementation is 59(9.4), for Evaluation is 66(5.1) and Action for Improvement is 63(1.3). Percentage of company that complies with the main element for Policy is 15%, for Organizing is 8.8%, for Planning and Implementation is 11.3%, for evaluation is 11.3% and for Action for improvement is 13.8%. Percentage of companies that partially comply with Policy element is distributed between 61.0% to 85.0% which is 76.3 %, for Organizing score is mainly distributed between 46.0% to 60.0% which is 62.5%, for planning and Implementation score for 80 companies distributed mainly in group score between 46.0 to 60.0% which is 56.3 %, for Evaluation the partially comply score is distributed in group score between 61.0% to 85.5% which is 41 % and for Action for Improvement partially comply score, the distribution is mainly distribute in range of 61.0% to 85.0% which is 62.5 %. Z-score for element policy is five points from policy mean, for organizing Z-score is three points from Organizing mean, for Planning and Implementation the Z-score is three points from Planning and Implementation mean, for Evaluation the Z-score is three points from evaluation mean and for Action for improvement Z-score is two to three points from Action for Improvement mean. Percentage of compliance with OSHMS MS 1722:2011 elements by gas contractors in almost main element and sub element are still low and can be further improved by focusing on all company element score for continual improvement of OSH elements compliances.

Keywords : Occupational Safety and Health Management System (OSHMS), Critical Success Factors (CSF) and Z-score

For Full Paper, please find:

Journal of Occupational Safety and Health

June 2014, Vol.11, No. 1

ISSN 1675-5456

PP13199/12/2012(032005)

If you wish to publish in Journal of Occupational Safety and Health (JOSH), please contact Secretariat at **03-8911 3879 / 3867 / 3871** or email: journal@niosh.com.my

Disclaimer

©Copyright 2015. National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system, or transcribed in any forms or by any means, electronic, photocopying, or otherwise, without the prior written permission of the copyright owner.

INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MALAYSIA (NIOSH)

Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8769 2100 Fax: 03-8926 5655

www.niosh.com.my